

**PERUBAHAN SENI BINA DALAM KONTEKS
BUDAYA MERANTAU DAN KESANNYA
TERHADAP RUMAH TRADISIONAL NEGERI
SEMBILAN, MALAYSIA**

MOHAMAD HANIF BIN ABDUL WAHAB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**PERUBAHAN SENI BINA DALAM KONTEKS
BUDAYA MERANTAU DAN KESANNYA
TERHADAP RUMAH TRADISIONAL NEGERI
SEMBILAN, MALAYSIA**

oleh

MOHAMAD HANIF BIN ABDUL WAHAB

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Disember 2019

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah pada Allah S.W.T., kerana dengan limpah kurniaNya kajian ini telah berjaya disempurnakan. Saya dengan rendah diri ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu-individu dan organisasi-organisasi yang sama-sama membantu dalam melengkap tesis ini. Jutaan penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA kerana menaja pengajian saya di peringkat Doktor Falsafah di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB). Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia, Profesor Dr. Azizi Bahauddin yang telah banyak berkorban masa dan keringat dalam membimbing saya bagi melengkapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi MARA yang sentiasa berkongsi pandangan dan dorongan positif dalam mengharungi cabaran dan dugaan di sepanjang kajian ini dilakukan. Penghargaan juga ditujukan kepada pakar bidang merantau, seni bina dan adat budaya Negeri Sembilan dan Minangkabau, Profesor Dr. Mochtar Naim, Ir. Dr. Syamsul Asri, Ir. Dr. Sudirman, Profesor Dr. Madi Bahar, Dato Maharaja Menteri Sulaiman Kasim serta pensyarah di Universitas Lancang Kuning, Riau yang banyak berkongsi bahan rujukan dan menyumbang maklumat. Tidak dilupakan juga kepada waris-waris rumah yang memberi kerjasama penuh dengan membenarkan kajian ini dilakukan di permis- permis mereka. Tanpa mereka, amat sukar pengumpulan data di kajian lapangan berjaya diperolehi. Akhir sekali, penghargaan istimewa ditujukan khas buat ahli keluarga khususnya ibu, Jariah Nayan dan isteri, Nor Aniswati Awang Lah serta anak-anak, Altaaf, Anaqi, Bushra dan Abbas di atas doa, kesabaran, pengorbanan, bantuan, dorongan dan keprihatinan yang telah kalian berikan. Terima kasih untuk segalanya.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI SINGKATAN.....	xvii
ABSTRAK.....	xviii
ABSTRACT	xx
BAB 1 PENGENALAN KAJIAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Budaya Merantau	4
1.4 Definisi Terminologi	7
1.5 Permasalahan Kajian	10
1.6 Persoalan Kajian.....	13
1.7 Objektif Kajian.....	14
1.8 Skop Kajian.....	16
1.9 Kepentingan Kajian	19
1.10 Struktur Penulisan Kajian	20
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Melayu, Rumpun dan Diasporanya di Alam Melayu.....	24
2.3 Pola dan Ciri-Ciri Migrasi Rumpun Melayu	28
2.4 Pengertian Merantau Minangkabau.....	30
2.5 Konsep dan Tradisi Merantau Minangkabau.....	32
2.6 Elemen Budaya Merantau Minangkabau.....	36

2.7	Merantau di Alam Minangkabau.....	43
2.8	Penempatan Rumah Tradisional Negeri Sembilan di Rembau.....	54
2.9	Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan dan Perubahan Reka Bentuknya	56
2.10	Rumusan	80
BAB 3 METODOLOGI.....		82
3.1	Pengenalan	82
3.2	Kajian Fenomenologi	86
3.3	Kajian Etnografi	88
3.4	Teori Asas (<i>Grounded Theory</i>)	90
3.5	Kajian Kes.....	91
3.6	Kerangka Kerja Kajian	93
BAB 4 KAJIAN RINTIS DAN PEMILIHAN KAJIAN KES.....		114
4.1	Pengenalan	114
4.2	Analisis Kajian Rintis Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS).....	116
4.3	Analisis Kajian Rintis Rumah Adat Minangkabau (RAM).....	133
4.4	Analisis Kajian Rintis Rumah Lentik Kampar (RLK)	149
4.5	Rumusan	158
BAB 5 ANALISIS KAJIAN KES.....		160
5.1	Pengenalan	160
5.2	Rumah Adat Minangkabau (RAM).....	162
5.3	Rumah Lentik Kampar (RLK)	178
5.4	Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS).....	195
5.5	Rumusan	214
BAB 6 DAPATAN KAJIAN.....		216
6.1	Pengenalan	216
6.2	Analisa dan Dapatan Kajian.....	217

6.3	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Rumah Tradisional Negeri (RTNS) Sembilan Berdasarkan Analisis Temu Bual Dengan Respondendan Etnografi.....	226
6.4	Rumusan	238
BAB 7 KESIMPULAN KAJIAN		240
7.1	Pengenalan	240
7.2	Ciri-Ciri Budaya Merantau Yang Dibawa Oleh Masyarakat Melayu Minangkabau Yang Merantau Dari Sumatera Barat, Indonesia Ke Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia.....	241
7.3	Ciri-Ciri Kesamaan Pada Prinsip Pembinaan Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) Dengan Rumah Adat Minangkabau Kesan Daripada Budaya Merantau.	244
7.4	Komponen-Komponen Pada Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) Yang Dipengaruhi Oleh Ciri-Ciri Budaya Merantau Sehingga Membentuk Variasi Seni Bina Berbanding Dengan Rumah Adat Minangkabau (RAM).....	262
7.5	Sumbangan Kajian	269
7.6	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	273
GLOSARI		275
SENARAI RUJUKAN		285
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1	Pola dan ciri-ciri migrasi masyarakat suku Melayu.	29
Jadual 2.2	Istilah kota merujuk pada fasa perkembangan sesebuah wilayah atau penempatan mengikut konsep dan falsafah Minangkabau.	55
Jadual 2.3	Fungsi ruang Rumah Tradisional Negeri Sembilan.....	77
Jadual 2.4	Tiga ciri-ciri merantau berdasarkan lapan elemen budaya merantau Irwana Omar et al., (2015); Naim, (1979).	80
Jadual 3.1	Maklumat umum dan senarai RTNS, RAM dan RLK yang dipilih untuk kajian rintis dan pemilihan kajian kes.....	98
Jadual 3.2	Senarai responden-responden yang ditemu bual.	107
Jadual 4.1	Maklumat RTNS di Rembau untuk kajian rintis beserta maklumat umum.	118
Jadual 4.2	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-1 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	120
Jadual 4.3	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-2 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	122
Jadual 4.4	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-3 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	124
Jadual 4.5	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-4 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	125
Jadual 4.6	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-5 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	127
Jadual 4.7	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-6 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	129
Jadual 4.8	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-7 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	130

Jadual 4.9	Maklumat kriteria asas dan tambahan RTNS-8 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	132
Jadual 4.10	Maklumat RAM di <i>darek</i> , Sumatera Barat untuk kajian rintis beserta maklumat umum.	134
Jadual 4.11	Maklumat kriteria asas dan tambahan RAM-1 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	136
Jadual 4.12	Maklumat kriteria asas dan tambahan RAM-2 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	138
Jadual 4.13	Maklumat kriteria asas dan tambahan RAM-3 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	140
Jadual 4.14	Maklumat kriteria asas dan tambahan RAM-4 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	142
Jadual 4.15	Maklumat kriteria asas dan tambahan RAM-5 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	144
Jadual 4.16	Maklumat kriteria asas dan tambahan RAM-6 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	146
Jadual 4.17	Maklumat kriteria asas dan tambahan RAM-7 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	148
Jadual 4.18	Maklumat RLK di Kampar, Riau untuk kajian rintis beserta maklumat umum.	150
Jadual 4.19	Maklumat kriteria asas dan tambahan RLK-1 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	152
Jadual 4.20	Maklumat kriteria asas dan tambahan RLK-2 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	154
Jadual 4.21	Maklumat kriteria asas dan tambahan RLK-3 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	156
Jadual 4.22	Maklumat kriteria asas dan tambahan RLK-3 serta keputusan pemilihan bagi kajian kes.....	158
Jadual 4.23	Senarai enam buah kajian kes hasil saringan kajian rintis.....	159

Jadual 5.1	Senarai kajian kes RAM, RLK dan RTNS yang disusun berdasarkan proses merantau dan usia rumah.	160
Jadual 5.2	Maklumat perkaitan tapak dan organisasi ruang dalaman rumah RAM-np dan RAM-sk.	168
Jadual 5.3	Maklumat perkaitan kerangka struktur RAM-np dan RAM-sk.	172
Jadual 5.4	Maklumat perkaitan komponen ruang rumah RAM-np dan RAM-sk.	176
Jadual 5.5	Maklumat perkaitan motif ukiran rumah RAM-np dan RAM-sk. ..	177
Jadual 5.6	Maklumat perkaitan tapak dan organisasi ruang dalaman RLK-sb dan RLK-sm.	184
Jadual 5.7	Maklumat perkaitan kerangka struktur RLK-sb dan RLK-sm.	188
Jadual 5.8	Maklumat perkaitan tangga, lantai, dinding dan siling rumah RLK-sb dan RLK-sm.	192
Jadual 5.9	Maklumat perkaitan ragam hias rumah RLK-sb dan RLK-sm.	194
Jadual 5.10	Maklumat perkaitan persekitaran, orientasi dan organisasi peletakan rumah RTNS-rl dan RTNS-tms.	203
Jadual 5.11	Maklumat perkaitan kerangka struktur RTNS-rl dan RTNS-tms....	206
Jadual 5.12	Maklumat perkaitan tangga, lantai, dinding dan siling rumah RTNS-rl dan RTNS-tms.	211
Jadual 5.13	Maklumat perkaitan motif ukiran rumah RTNS-rl dan RTNS-tms.	214
Jadual 6.1	Analisa perkaitan elemen fizikal seni bina pada rumah kajian kes RAM, RLK dan RTNS.	217
Jadual 6.2	Kesan pengaruh budaya merantau pada elemen seni bina RTNS berdasarkan kesamaan ciri-ciri fizikal rumah kajian kes RAM dan RLK.	220
Jadual 6.3	Kesan ciri-ciri budaya merantau yang mempengaruhi pembentukan seni bina RTNS.	222

Jadual 7.1	Pemetaan generik dan variasi evolusi komponen RTNS dengan perkaitan kesamaan elemen reka bentuk RAM dan RLK kesan daripada pengaruh budaya merantau.	256
Jadual 7.2	Variasi pembentukan seni bina RTNS dan RAM pada komponen tapak dan organisasi ruang, kerangka struktur, komponen ruang dan ragam hias yang dipengaruhi oleh ciri-ciri budaya merantau...	266

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1.1	Kerangka teori	15
Rajah 1.2	Peta (A) menunjukkan lokasi Negeri Sembilan dan daerah Rembau dalam Semenanjung Malaysia. Peta (B) menunjukkan kedudukan Sungai Rembau.....	17
Rajah 1.3	Peta menunjukkan (A) lokasi pusat permulaan merantau di <i>darek</i> , Minangkabau, (B) lokasi perantaraan merantau di rantau Kampar, Riau dan (C) lokasi berakhirnya merantau di rantau Rembau, Negeri Sembilan.	18
Rajah 2.1	Peta pola migrasi di alam Melayu sejak zaman Pleistosen.....	26
Rajah 2.2	Peta wilayah Kerajaan Melayu (Jambi) Srivijaya, Melaka dan Kerajaan Minangkabau.	27
Rajah 2.3	Empat komponen utama dalam kerangka konsep merantau yang dirangka oleh Dr. Mochtar Naim (1979:7-13) bagi menjelaskan ciri-ciri perlembagaan merantau.....	33
Rajah 2.4	Peta <i>luhak nan tigo</i> di Lembah Gunung Merapi.	44
Rajah 2.5	Peta Minangkabau (A) yang menunjukkan tanah <i>darek</i> (bertanda hitam) dan rantau. Peta Minangkabau (B) menunjukkan wilayah Rantau Pesisir dan Rantau Hilir.	45
Rajah 2.6	Peta alam Minangkabau yang merangkumi wilayah <i>darek</i> , rantau dan pesisir.....	46
Rajah 2.7	Peta lakaran <i>d'Eredia</i> (1613) menunjukkan Sungai Panagim atau Sungai Linggi yang mudik ke lokasi Rombo (Rembau) dengan tertera Reqiam <i>de Monangcabos</i> atau Kerajaan Minangkabau dan Sungai Panagie.	48
Rajah 2.8	Peta menunjukkan laluan merantau dari <i>darek</i> , Minangkabau ke Kampar, Riau dan berakhir di Rembau, Negeri Sembilan.....	49

Rajah 2.9	Peta pola pergerakan aktiviti merantau ke Rembau sekitar abad ke-13.	50
Rajah 2.10	Peta pola pergerakan aktiviti merantau ke Rembau dari Abd ke-13 hingga ke-16.	51
Rajah 2.11	Konsep ruang dalaman Rumah Adat Minangkabau yang disunting dari Ismael, (2000).	58
Rajah 2.12	Rumah Adat Minangkabau di zaman Kerajaan Pagaruyung, kolonial Belanda dan penjajah Jepun dikategorikan sebagai rumah Tua (T), Sedang (S) dan Muda (M) di <i>luhak</i> Tanah Datar, Agam dan Lima Puluh Kota.	59
Rajah 2.13	Konsep dan pelan Rumah Adat Minangkabau di <i>darek</i> (A) jenis <i>kelarasan</i> Bodi Caniago dan (B) jenis <i>kelarasan</i> Koto Piliang.	60
Rajah 2.14	Pelan jenis Rumah Adat Minangkabau di <i>darek</i>	61
Rajah 2.15	Istilah-istilah elemen dan komponen seni bina Rumah Adat Minangkabau.	62
Rajah 2.16	Bentuk bumbung lentik pada Rumah Lentik Kampar dan susun atur ruang dalamnya.	63
Rajah 2.17	Istilah-istilah elemen pada komponen rumah tangga dan tiang Rumah Lentik Kampar.	66
Rajah 2.18	Istilah-istilah elemen pada struktur bumbung Rumah Lentik Kampar.	67
Rajah 2.19	Elemen kayu alang dan tutup tiang pada struktur Rumah Lentik Kampar.	67
Rajah 2.20	Gelegar, rasuk dan papan lantai pada komponen lantai Rumah Lentik Kampar.	68
Rajah 2.21	<i>Sento</i> (pemidang) dan jenang pada komponen dinding Rumah Lentik Kampar.	68
Rajah 2.22	Dinding sendeng dan kumai pada komponen dinding Rumah Lentik Kampar.	69
Rajah 2.23	Pandangan hadapan Rumah Tradisional Negeri Sembilan.	70

Rajah 2.24	Pelan jenis-jenis Rumah Tradisional Negeri Sembilan (A) Rumah tidak beranjung, (B) Rumah beranjung satu, (C) Rumah beranjung dua, (D) Rumah beranjung tiga.	71
Rajah 2.25	Perkembangan seni bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan dengan penambahan tiang dan perubahan ruang.....	73
Rajah 2.26	Tipologi ruang Rumah Tradisional Negeri Sembilan hasil daripada (A) penambahan tiang dan (B) perkembangan ruang tertumpu di ruang serambi dan rumah ibu.	73
Rajah 2.27	Peletakan kepuk padi dan perigi dalam organisasi tapak Rumah Tradisional Negeri Sembilan mengambil kira keperluan hidup.....	74
Rajah 2.28	Organisasi ruang Rumah Tradisional Negeri Sembilan.....	75
Rajah 2.29	Kerangka lantai Rumah Tradisional Negeri Sembilan.	78
Rajah 2.30	Kerangka bumbung Rumah Tradisional Negeri Sembilan.	79
Rajah 3.1	Kajian perubahan seni bina dalam konteks budaya merantau dan kesannya terhadap rumah tradisional Negeri Sembilan menggunakan empat metod kualitatif iaitu teori asas, fenomenologi, etnografi dan kajian kes.	83
Rajah 3.2	Perbandingan objektif kajian dengan kajian penyelidikan kualitatif oleh Neuman, (2006) dan Reichardt & Cook, (1979).....	84
Rajah 3.3	Kerangka kajian fenomenologi yang dijalankan di Minangkabau, Sumatera, Indonesia dan Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia.....	88
Rajah 3.4	Kerangka kajian etnografi yang dijalankan di Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia dan Minangkabau, Sumatera, Indonesia.....	90
Rajah 3.5	Kerangka kerja kajian “Perubahan Seni Bina Dalam Konteks Budaya Merantau dan Kesannya Terhadap Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia”.....	94
Rajah 3.6	Kerangka kerja kajian rintis rumah RTNS, RAM dan RLK untuk menentukan kajian kes.	100
Rajah 3.7	Kerangka kerja saringan rumah RTNS, RAM dan RLK untuk pemilihan sebagai kajian kes.	101

Rajah 3.8	Tiga komponen triangulasi data yang digunakan dalam kajian iaitu data literatur dari kajian fenomenologi dan etnografi, kajian kes dan temu bual responden serta teori asas.	112
Rajah 3.9	Proses kajian yang menjana dapatan kajian “Perubahan Seni Bina Dalam Konteks Budaya Merantau Dan Kesannya Terhadap Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia”.....	113
Rajah 4.1	Kerangka aliran kajian rintis bagi menentukan pemilihan kajian kes RTNS, RAM dan RLK dari berdasarkan kriteria asas dan kriteria tambahan.	116
Rajah 4.2	Peta yang menunjukkan lokasi <i>luhak</i> Rembau <i>baroh</i> dan Rembau <i>darat</i> di Negeri Sembilan, Malaysia.	118
Rajah 4.3	Komponen seni bina Rumah Telapak Dato’ Akhir Undang Rembau ke-14. (A) Tebar layar di ruang loteng, (B) papan dinding berkambi berukir di ruang serambi, (C) struktur lantai bertiang sisi 8 beralas batu dan (D) lantai loteng di atas ruang rumah ibu.....	119
Rajah 4.4	Komponen seni bina Rumah Haji Kassim Haji Mohd. (A) Tebar layar terletaknya ruang loteng bertingkap, (B) tiang seri merupakan pusat bermulanya ukiran, (C) struktur lantai bertiang dengan batu alas dan (D) papan dinding berkambi berukir penuh di rumah ibu.....	121
Rajah 4.5	Komponen seni bina Rumah Lanjong. (A) Tebar layar bertingkap di ruang loteng (B) dinding kambi di ruang serambi, (C) tiang berpanggung beralas batu dan (D) dinding berukir penuh sebagai ruang pelamin pengantin.	123
Rajah 4.6	Komponen seni bina Rumah Muhamad Arsad. (A) Ukiran arca gasingan pada dinding hujung rumah, (B) kasau bumbung dan tiang gantung diukir bermotifkan fauna, (C) struktur lantai bertiang dengan alas batu dan (D) ukiran pada tiang seri yang menyokong rasuk di tengah rumah.....	125
Rajah 4.7	Komponen seni bina Rumah Telapak Dato’ Mangku Salleh. (A) Tingkap di pangkal serambi, (B) tingkap di hujung serambi (C)	

- rasuk lantai dipasak dengan tetupai pada tiang rumah beralas batu dan (D) struktur tiang yang menyokong struktur lantai loteng dan tangga..... 126
- Rajah 4.8 Komponen seni bina Rumah Wan Khairiah Osman. (A) Tebar layar bertingkap dan berukir tebuk, (B) papan dinding dipasang menyerong, (C) struktur tiang beralaskan batu dan (D) tiang seri yang menyokong rasuk di tengah rumah. 128
- Rajah 4.9 Komponen seni bina Rumah Hajah Kundur. (A) Tebar layar bahagian hujung rumah, (B) papan dinding dipasang menegak dan tingkap di ruang serambi, (C) struktur lantai bertiang dengan alas batu dan (D) tiang seri yang menyokong rasuk di tengah rumah.... 130
- Rajah 4.10 Komponen seni bina Rumah Norlida Ibrahim. (A) Tebar layar bahagian pangkal rumah, (B) struktur kasau dan tunjuk langit bumbung, (C) struktur lantai bertiang dengan beralaskan batu dan (D) tiang gantung bermotifkan buah buton yang menyokong rasuk di tengah rumah. Sumber: Norlida Ibrahim (2016). 132
- Rajah 4.11 Komponen seni bina Rumah Gadang Kampai Nan Panjang. (A) *Singok* atau tebar layar bahagian hujung rumah, (B) struktur kekuda bumbung, (C) struktur lantai bertiang dengan alas batu di ruang *kolong* dan (D) tiang yang menyokong rasuk di tengah rumah menggunakan tanggam dan pasak. 135
- Rajah 4.12 Komponen seni bina Rumah Gadang Suku Sikumbang. (A) *Singok* atau tebar layar bahagian pangkal, (B) papan dinding menegak dan miring (C) struktur lantai anjung yang berbeza ketinggian dan (D) sebahagian dari 56 batang tiang terletak di ruang *lanja* tengah. 137
- Rajah 4.13 Komponen seni bina Rumah Gadang Suku Koto. Dinding buluh di (A) bahagian pangkal dan di (B) belakang rumah (C) papan *redeang suduik* pada penjuru dinding rumah dan (D) ukiran berbentuk pasu di dinding luar rumah. 139
- Rajah 4.14 Komponen seni bina Rumah Gadang Suku Jambak. (A) Bumbung limas dan bahan konkrit pada *kolong* kesan pengaruh kolonial Belanda, (B) struktur tiang dan ukiran berimejkan makhota dan

- salib di ruang *lanja* (C) ukiran *sikembang manih* pada dinding luar dan (D) kedudukan tingkap di bahagian pangkal rumah. 141
- Rajah 4.15 Komponen seni bina Rumah Gadang Datuk Mangkudum. (A) Pengaruh kolonial Belanda pada anjung hadapan rumah, (B) ukiran pada papan *dempa-dempa* bermotifkan *akar cino* (C) peniruan bentuk *salangko* dari bahan konkrit (D) dinding buluh pada dinding hujung rumah..... 143
- Rajah 4.16 Komponen seni bina Rumah Gadang Datuk Kayo. (A) *Singok* atau tebar layar bahagian hujung rumah, (B) papan *dempa-dempa dan redeang suduik* (C) *salangko* dan ukiran dinding luar dan (D) ukiran bermotifkan *akar cina seganggang* di atas *salangko*..... 145
- Rajah 4.17 Komponen seni bina Rumah Gadang Suku Piliang. (A) Bumbung gonjong Koto Piliang (B) ukiran *sondak langik* pada *singok* atau tebar layar, (C) *papan sasak lipat pandan* pada *salangko*, (D) bukaan tingkap di bahagian loteng. 147
- Rajah 4.18 Komponen seni bina Rumah Lentik Suku Bendang. (A) Ukiran selembayung di penjuru bumbung (B) struktur tunjuk langit dan kasau bumbung, (C) rasuk dipasak tiang gantung dan tiang dialas batu sendi, (D) dinding kambi berukir dan lantai melengkung. 151
- Rajah 4.19 Komponen seni bina Rumah Lentik Haji Hamid. (A) Tebar layar dengan dua tingkap (B) ukiran arca pada tiang anjung bermotifkan bunga mekar, (C) lantai bertiang dialas batu sendi, (D) dinding miring tanpa ukiran..... 153
- Rajah 4.20 Komponen seni bina Rumah Lentik Desa Pulau Belimbing. (A) Bahagian hujung rumah menghala ke h sungai (B) rasuk lantai yang melengkung, (C) lantai bertiang dialas batu sendi, (D) papan *redeang suduik* di atas papan lentik *paruh anggung* bermotifkan *kelok paku*..... 155
- Rajah 4.21 Komponen seni bina Rumah Lentik Suku Domo. (A) Struktur tebar layar di hujung rumah (B) struktur tiang, rasuk dan gelegar lantai, (C) lantai bertiang dialas batu sendi, (D) ukiran pada tingkap dan pintu. 157

Rajah 5.1	Kerangka analisa kajian kes.	161
Rajah 5.2	Gambaran (A) rumah RAM-np dan (B) RAM-sk di Sumatera Barat, Indonesia.	162
Rajah 5.3	Peta lokasi daerah Agam dan Tanah Datar di Sumatera Barat.....	163
Rajah 5.4	Gambaran (A) rumah RLK-sb dan (B) RLK-sm di Kampar, Riau, Indonesia.	178
Rajah 5.5	Peta lokasi <i>kabupaten</i> Kampar di Riau.....	179
Rajah 5.6	Gambaran (A) rumah RTNS-rl dan (B) RTNS-tms di Rembau, Negeri Sembilan.	195
Rajah 5.7	Peta lokasi daerah Rembau di Negeri Sembilan.....	196
Rajah 7.1	Talaan orientasi RTNS. Garis-X dirujuk kepada arah posisi kepala ketika tidur di bilik RTNS manakala garis-Y dirujuk sebagai arah hulu dan tanah tinggi.....	247
Rajah 7.2	Dua pola ruang yang berbeza berdasarkan peletakan rumah (A) RTNS-rl membelakangi dan (B) RTNS-tms menghadap sungai. ...	251
Rajah 7.3	Susunan kedudukan tempat duduk pada mesyuarat di (A) Rumah Adat Minangkabau dan (B) Medan Nan Bapaneh, <i>nagari</i> Pariangan. Susunan kedudukan Balai Adat dalam RAM menyamai cara duduk di tapak purba.	254

SENARAI SINGKATAN

RTNS	Rumah Tradisional Negeri Sembilan
RAM	Rumah Adat Minangkabau Rumah
RLK	Lentik Kampar
RAM-np	Rumah Gadang Suku Kampai Nan Panjang
RAM-sk	Rumah Gadang Suku Sikumbang
RLK-sb	Rumah Lentik Suku Bendang
RLK-hj	Rumah Lentik Haji Hamid
RTNS-rl	Rumah Lanjong
RTNS-tms	Rumah Telapak Dato' Mangku Salleh
UNESCO	<i>The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
DNA	<i>Deoxyribonucleic Acid</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

**PERUBAHAN SENI BINA DALAM KONTEKS BUDAYA MERANTAU DAN
KESANNYA TERHADAP RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN,
MALAYSIA**

ABSTRAK

Alam Minangkabau merangkumi wilayah tengah Sumatera Barat yang dikenali sebagai *darek* hingga ke rantau Timur Minangkabau di Riau dan Negeri Sembilan. *Pemekaran nagari* Minangkabau disebabkan oleh proses merantau menyaksikan berlakunya variasi seni bina Minangkabau termasuklah Rumah Lentik Kampar (RLK) di Riau, Indonesia dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di Negeri Sembilan, Malaysia. Tesis ini mengkaji tentang pengaruh budaya merantau terhadap seni bina RTNS di daerah Rembau, Negeri Sembilan. Pembentukan seni bina RTNS di Negeri Sembilan dan Rumah Adat Minangkabau (RAM) di Sumatera berlaku disebabkan perubahan secara evolusi yang selari dengan perkembangan kebudayaan Minangkabau. Ia membentuk kesamaan dan perbezaan pada seni bina rumah masyarakat Minangkabau melalui adat matrilineal, *kelarasan* atau hukum adat dan persekitaran *luhak*. Namun fenomena kesamaan dan perbezaan elemen-elemen seni bina di antara RTNS dengan RAM tidak dirungkai. Tambahan pula, akibat kurangnya kefahaman masyarakat tentang perkaitan kedua-dua seni bina, maka telah berlaku konflik pemilikan dan identiti di antara Malaysia dengan Indonesia apabila ruang pameran Malaysia di *Shanghai World Expo 2010* mengadaptasikan analogi seni bina Minangkabau, Indonesia. Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri budaya merantau yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat, Indonesia ke Negeri Sembilan, Malaysia dengan menganalisa prinsip pembinaan serta menilai teori yang membentuk variasi seni bina pada RTNS dan RAM. Untuk itu, kajian

kualitatif berasaskan empat metodologi iaitu fenomenologi, etnografi, kajian kes dan teori asas dijalankan. Pendekatan fenomenologi dianalisis menerusi kaedah perkaitan. Etnografi dilakukan menerusi kaedah kajian rintis di lapangan di daerah Rembau, Negeri Sembilan, di Kampar, Riau dan di Minangkabau, Sumatera Barat. Kaedah kajian kes pula melibatkan penelitian sebanyak dua buah RTNS Rembau, dua buah RLK Riau dan dua buah RAM Sumatera Barat. Teori asas dibandingkan dengan teknik analisis triangulasi data dari ketiga-tiga dapatan kajian di atas. Kajian mendapati pembentukan seni bina RTNS dipengaruhi oleh budaya merantau yang dibawa oleh perantau Minangkabau sejak kurun ke-12. Ciri-ciri budaya merantau yang bersifat evolusi, kaedah perhubungan dan berfikiran inovatif telah menyerap unsur-unsur pembentukan seni bina RAM iaitu adat matrilineal, *kelarasan* hukum adat dan persekitaran *luhak* atau wilayah pada seni bina RTNS. Dapatan kajian telah menyambungkan susur jalur pembentukan seni bina RTNS yang berasal dari wilayah *darek*, Minangkabau di Sumatera Barat melalui kawasan perantaraan di Kampar, Riau. Ia berjaya menghubungkan perkaitan kesamaan dan perbezaan yang wujud di antara RTNS dan RAM di samping menyelesaikan pertikaian pemilikan dan identiti kedua-dua seni bina. Kajian juga telah menyenaraikan prinsip-prinsip pembinaan RTNS bagi rujukan pada masa hadapan.

**ARCHITECTURE CHANGES IN ‘MERANTAU’ CULTURAL CONTEXT
AND ITS EFFECTS ON THE NEGERI SEMBILAN TRADITIONAL HOUSE,
MALAYSIA**

ABSTRACT

Minangkabau territory encompasses a central region known as *darek* (inland) in West Sumatera towards *rantau* (border) in the Eastern Minangkabau of Riau and Negeri Sembilan, Malaysia. The spread of Minangkabau territory due to *merantau* (migration) activities has led to the variations of Minangkabau house including Kampar Curved House (RLK) in Riau, Indonesia and Negeri Sembilan Traditional House (RTNS) in Negeri Sembilan, Malaysia. This thesis examines the influences of *merantau* culture towards the architecture of RTNS in the district of Rembau, Negeri Sembilan. The formation of the RTNS and the Minangkabau Indigenous House (RAM) in West Sumatera occurred due to evolutionary changes in parallel with the development of Minangkabau culture. It formed the similarities and differences in Minangkabau's architecture through matrilineal custom, customary law and *luhak* or colonies environment. But the phenomenon of similarities and differences of the architectural elements between RTNS and RAM are not solved. Furthermore, due to the lack of public understanding of the relationship between the two architectures, there has been a conflict of ownership and identity between Malaysia and Indonesia when the Malaysian exhibition space at the *Shanghai World Expo 2010* adopted the architectural analogy of Minangkabau, Indonesia. This research aims to study the characteristics of the *merantau* culture brought by the Minangkabau descendants from West Sumatra to Negeri Sembilan by analysing the principles of construction and assessing the theory that formed the architecture variations towards the RTNS and

RAM. Therefore, this qualitative research was conducted based on four methodologies, namely phenomenology, ethnography, case studies and grounded theory. The phenomenological approach was analysed using relevance. Ethnography was carried out by field study at the districts of Rembau in Negeri Sembilan, Kampar in Riau and Minangkabau in West Sumatera. The case study method involved two RTNS Rembau, two RLK Riau and two RAM West Sumatera. The grounded theory was compared with the triangulation data analysis technique of the three findings above. The study found that the developments of RTNS were influenced by the *merantau* cultural brought by the Minangkabau descendants since the 12th century. The evolving, communicative and innovative elements of *merantau* cultural had absorbed the principles of construction of RAM, which was matrilineal custom, customary law and *luhak* environment towards the RTNS development. The research findings able to link the path of the RTNS formation originating from *darek* territory in Minangkabau, West Sumatera through *rantau* Kampar, Riau. It was successfully connected the relationship between the similarities and differences of RTNS and RAM as well as solving the disputed ownership and identity of both architectures. The study also listed the principles of RTNS construction for future reference.

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan

Istilah “merantau” menduduki tempat istimewa pada masyarakat Melayu. Tidak seperti migrasi, merantau merupakan *lembaga* sosial atau institusi sosial yang membudayakan ketika proses pergerakan keluar dari tanah induk bagi tujuan perluasan wilayah. Merantau mempengaruhi pembentukan seni bina dengan membentuk identitinya di wilayah Melayu khususnya di Alam Minangkabau. Ia juga mempengaruhi pembukaan penempatan baharu oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat, Indonesia ke Negeri Sembilan, Malaysia dengan terbentuknya seni bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) iaitu rumah masyarakat perantau Minangkabau di Negeri Sembilan, Malaysia. RTNS memperlihatkan variasi elemen reka bentuk berbanding Rumah Adat Minangkabau (RAM) disebabkan perubahan secara evolusi serta pengaruh persekitaran, adat resam dan kepercayaan. Namun, di sebalik perbezaan itu, berlaku konflik pemilikan identiti seni bina di antara Malaysia dengan Indonesia akibat kurangnya kefahaman tentang latar belakang pembentukan kedua-dua seni bina ini.

Kajian kualitatif ini kajian fenomenologi, kajian etnografi, teori asas (*grounded theory*) dan kajian kes mengupas sejarah kebudayaan merantau dan kaitannya terhadap pembentukan RTNS di Rembau, Malaysia. Ia melibatkan analisa kajian literatur melalui sumber catatan serta pemilihan kajian kes rumah tradisional yang berdasarkan ciri-ciri tertentu. Hasil kajian akan membuktikan bahawa merantau memainkan peranan penting terhadap proses pembentukan seni bina RTNS yang dipengaruhi oleh

ciri-ciri kebudayaan Minangkabau iaitu adat matrilineal, *kelarasan* hukum adat dan persekitaran *luhak* atau wilayah.

Kajian juga membuktikan bahawa merantau bukan sekadar proses pergerakan tetapi juga agen yang membentuk evolusi hasil daripada pemikiran inovatif perantau Melayu kesan daripada pengaruh persekitaran. Proses inovatif ini membentuk variasi elemen pada rumah tradisional Melayu seperti Negeri Sembilan, Malaysia yang berbeza dengan rumah Minangkabau, Indonesia walaupun kedua-dua masyarakatnya wujud daripada budaya yang sama. Di samping itu, kajian ini juga berjaya melengkapkan susur jalur pembentukan seni bina RTNS dan RAM serta menyelesaikan isu-isu berkaitan konflik pemilikan identiti seni bina di antara Negeri Sembilan, Malaysia dengan Sumatera Barat, Indonesia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pergerakan penduduk atau aktiviti migrasi ini dikenali sebagai “merantau” yang berasal daripada kata “rantau” yang etimologinya bermaksud pantau sejauh teluk atau sungai (Ab. Rahman, 2014). Merantau berlaku atas beberapa faktor. Teori migrasi “*Push and Pull*” Lee, (1966) yang dipetik oleh Rahman, (2014) menyatakan bahawa sifat migrasi seseorang dipengaruhi oleh faktor yang berhubungan dengan tempat asal, faktor yang terdapat di tempat rantau, faktor penghalang atau rintangan yang menolak dan faktor peribadi individu merantau.

Mochtar Naim, (1984) menyatakan faktor-faktor suku Minangkabau merantau terbahagi kepada dua iaitu sosial-budaya dan bukan sosial-budaya. Faktor bukan sosial adalah faktor alam iaitu faktor ekologi, keadaan tanah pertanian di tempat asal, jarak lokasi Minangkabau dengan pusat-pusat ekonomi dan perdagangan di samping politik, kebudayaan dan kependudukan. Faktor sosial pula seperti dorongan ekonomi,

pendidikan, daya tarikan kepesatan kota, masalah politik dan sistem adat atau perlembagaan sosial.

Ismail, Surat, Raja Shahminan, & Yunus, (2014) menyokong konsep merantau masyarakat Minangkabau sepertimana teori migrasi tolak dan tarik (*push and pull*) (Lee, 1966) yang mana aliran pergerakan manusia bukan sehalu tetapi terdapat aliran pergi dan balik di antara tanah asal dengan tanah rantau. Proses aliran balik adalah perkongsian pengalaman melalui ungkapan memberi galakan, motivasi, semangat dan keinginan mengikuti jejak bagi perantau baharu untuk keluar melihat dunia luar. Selain aliran pergerakan dua hala yang nyata, pergerakan tidak nyata seperti ingatan memori, perasaan rindu dan persepsi persamaan di antara dua tempat juga merupakan proses aliran pergerakan manusia yang mempengaruhi corak pemikiran perantau di penempatan baharu.

Merantau memiliki beberapa ciri-ciri berubah dan boleh disesuaikan di tempat dan masa yang berbeza. Ia membawa ciri-ciri berevolusi (Irwana Omar, Salim, & Mohamed, 2015) dan inovatif (Naim, 1979) yang lahir daripada faktor-faktor merantau. Untuk memahami tradisi merantau, adalah penting untuk memahami latar belakang masyarakat Minangkabau yang sinonim dengan budaya ini. Masyarakat Minangkabau memiliki kecekalan hati sebagai perantau ke serata tempat hingga ada yang berjaya membuka negeri (Zed, 2011). Tradisi dan budaya merantau tidak boleh dipisahkan dari masyarakat Minangkabau. Asal usul kata "merantau" itu sendiri berasal dari bahasa dan budaya Minangkabau iaitu "rantau" yang bermakna : wilayah-wilayah yang berada di luar wilayah *darek* atau induk Minangkabau iaitu *nagari* Tanah Datar, Agam dan Lima Puluh Kota di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia (Kato, 2005).

1.3 Budaya Merantau

Budaya berperan dalam membentuk keunikan elemen-elemen seni bina tradisional yang mempunyai nilai-nilai estetik (Fox, 1993; Hardono & Bahauddin, 2012). Elemen-elemen seni bina tradisional pula terpancar melalui unsur-unsur budaya seperti adat, falsafah, ritual, kepercayaan agama, hubungan sosial, ekonomi dan politik (Hanafi, 1985; Hardono & Bahauddin, 2012) pada komponen-komponen seni binanya. Dokumen “Nara Authencity 1994” menyatakan bahawa warisan sesuatu budaya dan kelompok masyarakat berakarkan pada sesuatu bentuk atau maksud yang diterjemahkan secara tampak atau tidak tampak (Masri, 2012).

Dalam aspek alam bina, bentuk fizikal (tampak) adalah satu bentuk pernyataan terhadap cara hidup sesuatu masyarakat dan manifestasi keunikan identiti sesuatu sosio-budaya (Abdul Wahab, Ahmad, Masri, & Abd Hamid, 2015; Masri, 2013; Masri & Ahmad, 2012; Masri, Mohd Yunus, & Abdul Wahab, 2015). Aspek budaya setempat pula melibatkan maksud yang berkait rapat dengan persekitaran (Wan Ismail, 2013) yang terdapat di sesuatu kawasan seperti bentuk geografi, sungai, bukit-bukau, gunung-ganang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya.

Budaya merantau amat sinonim dengan masyarakat suku Melayu Minangkabau. Tsuyoshi Kato, (1982, 2005) menyatakan bahawa merantau membawa erti pergerakan keluar oleh masyarakat Minangkabau dari kawasan induk Kerajaan Minangkabau yang dikenali *darek* yang tujuan asalnya adalah sebagai “*pemekaran nagari*” atau perluasan wilayah untuk membuka kampung baharu akibat daripada kekurangan tanah bagi tujuan pertanian. Kekurangan tanah untuk diusahakan, pertambahan penduduk serta perdagangan masyarakat Minangkabau di kawasan induk *darek* di Tanah Datar, Agam dan Lima Puluh Kota di Minangkabau, Sumatera Barat

menyebabkan perpindahan merantau berlaku dari *darek* hingga sempadan perbatasan yang dikenali sebagai rantau. *Pemekaran nagari* menyebabkan berlaku pembukaan wilayah baru seperti Rantau Tanah Datar, Rantau Agam dan Rantau Lima Puluh Kota dibuka di sekitar tanah *darek* di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia (Kato, 2005).

Proses *pemekaran nagari* berterusan sehingga sebahagian penduduk itu juga berpindah ke “Rantau Persisir” di sebelah barat dan “Rantau Hilir” di bahagian timur Sumatera, Indonesia (Kato, 2005; Sango, 1966) hingga menyusur ke Negeri Sembilan di Semenanjung Malaysia. Proses merantau oleh masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan bermula seawal kurun ke-12 bukan sahaja disebabkan *pemekaran nagari* tetapi juga bertujuan untuk membuka tanah pertanian baharu, perdagangan, perniagaan, menuntut ilmu dan penyebaran agama Islam.

Masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia terkenal dengan tiga ciri-ciri sosialnya iaitu ketaatan pada agama Islam, kesetiaan pada sistem keluarga bercorak matrilineal dan kecenderungan untuk merantau (Kato, 2005). Merantau menduduki kedudukan yang istimewa dalam masyarakat Melayu (Naim, 1979). Istilah merantau hampir menyamai istilah migrasi. Namun merantau dan migrasi membawa pengertian yang berbeza. Migrasi menekankan pada ‘*spatial movement*’ atau pergerakan dalam ruang iaitu dari satu tempat ke tempat lain secara sementara atau tetap, dengan atau tanpa tujuan tertentu tetapi merantau pula selalunya mempunyai konotasi budaya di samping pengertian yang terdapat pada migrasi (Naim, 1979). Merantau mempunyai keunikan kerana ia bukan proses pergerakan masyarakat Melayu semata-mata.

Berdasarkan kajian migrasi oleh Dixon, (1951 dan Issac, (1947) dan ciri-ciri merantau (Naim, 1979, 1984), Mochtar Naim mengintegrasikan empat ciri-ciri merantau bagi membentuk satu kerangka konsep iaitu:

1. Agent of Cultural Trasmision (Agen Penyebaran Budaya),
2. *Mobilitas Regional* (Penggerak Serantau),
3. *Mobilitas* (Penggerak) Ekonomi dan Sosial,
4. Perlembagaan Merantau.

Masyarakat perantau Minangkabau berjaya menelusuri kebudayaan mereka di mana mereka *melembagakan* atau *institusionalisasi* (Ibrahim, n.d.) dan terikat kepada sistem sosial suku Minangkabau secara keseluruhan seperti yang mereka lakukan di tanah rantau Negeri Sembilan. Masyarakat perantau Minangkabau membuka penempatan baru di tanah rantau Negeri Sembilan dan berjaya *melembagakan* adat Minangkabau yang mengikut nisab ibu atau matrilineal bersama-sama dengan masyarakat orang asli Jakun hingga berjaya merangka sistem sosio-politik yang hampir menyamai seperti mana di tanah *darek* Minangkabau di Sumatera Barat, Indonesia.

Merantau bukan sahaja melibatkan perpindahan masyarakat malah pemikiran intelektual. Proses merantau membawa bersama ciri-ciri berevolusi (Irwana Omar et al., 2015) dan inovatif hingga mampu mengubah corak pemikiran merantau dari penerokaan kawasan untuk pertanian kepada kegiatan ekonomi dan aktiviti perdagangan (Naim, 1984). Corak evolusi dan inovatif juga dapat dilihat pada variasi seni bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di Negeri Sembilan, Malaysia dengan Rumah Adat Minangkabau (RAM) di Sumatera Barat, Indonesia. Walaupun

kedua-dua buah rumah diistilahkan sebagai rumah Minangkabau kerana didiami oleh masyarakat Minangkabau yang beradatkan sistem matrilineal yang sama, namun kedua-duanya mempunyai reka bentuk yang berbeza (Hardono & Bahauddin, 2012).

1.4 Definisi Terminologi

Dalam kajian ini, beberapa istilah yang digunakan perlu dijelaskan dan dihuraikan bagi membantu dan menjurus kepada permasalahan kajian. Kajian ini melibatkan subjek yang sangat luas yang merangkumi latar belakang masyarakat Minangkabau, adat dan persekitaran. Selain itu, istilah rumah tradisional juga disentuh. Ini kerana elemen-elemen tradisional relevan dalam menilai asas pembentukan sesuatu reka bentuk. Oleh sebab itu, penghuraian terhadap istilah-istilah ini penting bagi membantu dari segi menetapkan dan menjurus kepada objektif kajian. Istilah-istilah yang digunakan adalah seperti:

1.4.1 Budaya

Budaya berkait dengan perkara-perkara budi dan akal (Seive Subramaniam, 2015). Kata budaya berasal dari kata *buddhayah* sebagai bentuk jamak dari *buddhi* (Sanskerta) yang berarti 'akal' (Koentjaraningrat, 1974). Menurut sarjana bidang sosiologi dan antropologi, Prof. Dr. Rohana Yusof, (2014) menyatakan bahawa budi membawa maksud akal, jalan fikiran dan ciptaan. Budi juga diistilahkan sebagai kecerdasan fikiran dan akal seseorang manusia dalam usaha menyelesaikan permasalahan dengan memperoleh kaedah penyelesaian manakala istilah daya merujuk kepada kekuatan tenaga dan kudrat yang menjana pemikiran bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan (Seive Subramaniam, 2015).

Dari sudut etnografi, budaya disamakan erti dengan tamadun yang merupakan keseluruhan kompleks termasuk pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat istiadat dan sebarang keupayaan dan tabiat yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat (Taylor, 1920). Siregar, (2002) pula menyatakan budaya atau kebudayaan sering dikaitkan dengan antropologi. Ia dijelaskan oleh Clifford Geertz, (1973) yang diterjemahkan oleh Rohani Sulaiman, (2009) bahawa kehidupan manusia dahulu dan sekarang dengan budaya mempunyai unsur yang sama yang mengalami perubahan pewarisan budaya akibat daripada kesedaran baru pada masa ke semasa (Seive Subramaniam, 2015).

Kebudayaan merupakan konsep seluruh cara kehidupan dari masyarakat dari pelbagai aspek meliputi cara berlaku, kepercayaan, sikap dan hasil dan akibat dari kegiatan manusia yang khas untuk sesuatu masyarakat atau kelompok manusia. Kebudayaan juga didefinisikan oleh Suparlan, (1981) sebagai keseluruhan pengetahuan manusia sebagai makhluk sosial, digunakan untuk menginterpretasi dan memahami ruang lingkup yang dihadapi dan untuk mencipta serta mendorong berlakunya tingkah laku atau kelakuan. Koentjaraningrat, (1974) menambah kebudayaan wujud dalam tiga keadaan iaitu;

1. kebudayaan sebagai idea yang kompleks, gagasan, nilai, norma, dan peraturan;
2. kebudayaan sebagai suatu kompleks aktiviti kelakuan berpola manusia dalam masyarakat; dan
3. benda-benda sebagai karya manusia.

1.4.2 Merantau

Merantau merupakan pola migrasi masyarakat Melayu suku Minangkabau (Naim, 1979). Mochtar Naim (1979) menjelaskan bahwa “merantau” bermaksud “migrasi” tetapi “merantau” adalah jenis migrasi yang khusus dengan konotasi budaya tersendiri. “Merantau adalah istilah Melayu, Indonesia dan Minangkabau yang sama pengertian dan penggunaan kata dasarnya yaitu “rantau”. Mochtar Naim (1979) menyebut apa yang menarik bahwa istilah “merantau” atau istilah lain dengan konotasi budaya yang serupa tidak ditemui dalam bahasa Jawa, Sunda dan Madura, mahupun Bali.

Dari sudut bahasa, menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia, (2015), merantau bermaksud proses berlayar untuk mencari penghidupan di sepanjang rantau iaitu dari satu sungai ke sungai lain dan sebagainya. Merantau juga menggambarkan suatu pergerakan ke pantai dan pesisirnya menuju ke negeri lain untuk mencari penghidupan sama ada menuntut ilmu, berdakwah, berdagang atau meneroka tanah baru.

Definisi merantau berbeza dengan “pindah” yang bermaksud beralih atau bertukar tempat; atau “hijrah” yang bererti berpindah atau menyingkir untuk sementara waktu dari suatu tempat ke tempat lain yang lebih baik dengan alasan tertentu seperti keselamatan, kebaikan, dan sebagainya. Perbezaan di antara merantau dengan pindah dan hijrah adalah ia bukan semata-mata proses pergerakan dari suatu tempat ke tempat lain sebaliknya ia merupakan proses *melembagakan* kebudayaan sosial yang dibawa bersama dari tempat asal ke tanah rantau.

1.4.3 Rumah Tradisional Negeri Sembilan

Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) merujuk kepada tempat tinggal tradisi masyarakat Melayu berketurunan suku Minangkabau yang menetap di Negeri Sembilan, Malaysia. Ia menjadi tempat menjalani kehidupan tradisi Melayu, mengamalkan kepercayaan agama Islam dan mengikuti kebudayaan Adat Perpatih Negeri Sembilan. Istilah lain yang menyamai RTNS dirujuk sebagai Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan (Raja Shahminan, 2007), Rumah Warisan Negeri Sembilan (Ismail, N. H., 2016), Rumah Melayu Negeri Sembilan (“Rumah Melayu Negeri Sembilan,” 2019) dan Rumah Minangkabau Negeri Sembilan (Hardono & Bahauddin, 2012). Namun kajian ini cenderung menggunakan istilah Rumah Tradisional Negeri Sembilan sepertimana penulisan awal oleh Yaakub Idrus, (1996) dan terkini oleh Setiawan Hardono, (2015) kerana ciri-ciri bumbung lentik yang berbeza dengan Rumah Adat Minangkabau di Sumatera Barat dan hanya ditemui di Negeri Sembilan.

1.5 Permasalahan Kajian

Pemekaran nagari masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat ke Negeri Sembilan menyaksikan pembukaan penempatan baru di rantau dengan terbinanya RTNS. Namun RTNS berbeza dengan RAM di tanah *darek* di Sumatera Barat, Indonesia walaupun kedua-dua masyarakatnya wujud daripada budaya yang sama (Hardono & Bahauddin, 2012). Perbezaan ini dapat dilihat pada fungsi dan struktur ruang, lantai, dan dindingnya (Hardono & Bahauddin, 2012). Reka bentuk bumbung rumah tradisional Negeri Sembilan pula beranalogikan atap atau kajang perahu (Idrus, 1996), manakala rumah tradisional Minangkabau beranalogikan tanduk kerbau (Idrus, 1996; Masri, 2012).

Pembentukan seni bina rumah Minangkabau di Negeri Sembilan dan Sumatera Barat berlaku disebabkan perubahan secara evolusi yang selari dengan perkembangan kebudayaan Minangkabau dan juga pengaruh-pengaruh luar (Idrus, 1996) seperti persekitaran dan faktor setempat. Ia memberi kesan kesamaan dan perbezaan pada bentuk dan susun atur ruang rumah masyarakat Minangkabau melalui adat matrilineal, *kelarasan* atau hukum adat dan persekitaran *luhak* atau wilayah di mana ia berada (Boestami, 1979; Hardono, 2015; Ismael, 2007). Di antara unsur-unsur kebudayaan masyarakat Minangkabau yang memiliki ciri-ciri berevolusi ialah merantau (Irwana Omar et al., 2015) yang membawa ciri-ciri pemikiran inovatif sebagai elemen kelangsungan hidup di tanah rantau (Naim, 1979). Melalui merantau, pengembangan masyarakat Minangkabau berlaku dan membawa bersama istilah reka bentuk baharu pada seni bina rumah tradisional di tanah rantau Negeri Sembilan yang berbeza dengan rumah Minangkabau di tanah *darek* di Sumatera Barat.

Merantau telah menyebabkan berlakunya proses akulturasi budaya yang membentuk evolusi reka bentuk pada seni bina rumah tradisional Minangkabau di *darek* dan rantau (Ismail, N. H., et al., 2014). Ciri evolusi dapat dilihat khususnya pada bumbung RTNS yang berciri lentik (Ismail N. H. et al., 2014). Ciri inovatif pula dapat dilihat dari segi perbezaan susun atur ruang yang mana RTNS menyediakan ruang serambi bagi anak lelaki tidur dan mempraktik ajaran agama Islam (Abdul Wahab et al., 2015). Ia berbeza dengan RAM di Sumatera Barat yang mengkehendakkan anak lelaki yang berumur enam atau tujuh tahun untuk keluar dari rumah dan tinggal di surau, tempat mereka belajar membaca Al-Quran pada malam hari (Kato, 2005; Radjab, 1950).

Variasi rumah Minangkabau yang lahir daripada evolusi reka bentuk juga mengakibatkan berlaku kekeliruan konsep reka bentuk terhadap identiti seni bina

RTNS dan RAM. Ia disebabkan oleh kurangnya kefahaman tentang perkaitan kedua-dua seni bina (Masri, 2012) serta latar belakang bagaimana pembentukan seni bina RTNS dan RAM berlaku. Ini telah mengakibatkan berlakunya konflik pemilikan dan identiti di antara Negeri Sembilan dan Minangkabau apabila ruang pameran Malaysia di *Shanghai World Expo 2010* mengadaptasikan analogi seni bina Minangkabau, Indonesia (Masri et al., 2015).

Namun, kajian budaya merantau yang dikaitkan dengan pembentukan seni bina RTNS masih belum diterokai. Ia bagi mengesan ciri-ciri pengaruh budaya merantau masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat, Indonesia dan impaknya terhadap seni bina RTNS di Negeri Sembilan, Malaysia serta perkaitan prinsip pembinaan seni bina kedua-dua wilayah. Ia juga mampu mempertingkatkan kefahaman masyarakat tentang perkaitan antara seni bina RTNS dan RAM melalui penjelasan bagaimana pembentukan seni bina secara evolusi terbentuk di samping menghalang konflik pemilikan dan identiti antara Malaysia dan Indonesia dari berulang. Bertindak daripada itu, kajian ini dirangka bagi merungkai fenomena perbezaan elemen-elemen pada seni bina RTNS di Malaysia dengan RAM di Sumatera Barat, Indonesia akibat daripada proses merantau yang dilakukan oleh masyarakat Minangkabau seawal kurun ke-12.

RTNS adalah refleksi kepada pengkajian budaya Minangkabau yang berevolusi akibat daripada proses merantau dari Sumatera Barat. Secara timbal balik, budaya merantau mempengaruhi bentuk seni bina rumahnya, dan seni bina rumahnya mempengaruhi bentuk budaya Melayu (Idrus, 1996). Fenomena ini seperti yang dinyatakan oleh Amos Rapoport:

“Architecture may provide setting for certain activities, reminds people what these activities are; signifies power, status, or privacy; expresses

and supports cosmological belief; communicates in informations; and encords value systems. It can also separate domain and differentiate between here and there, sacred and profane, men and women, front and back, private and public, habitable and inhabitable, and so on”

(Rapoport, 1979:15).

Kenyataan tersebut menjelaskan bahawa pengkajian seni bina RTNS melibatkan pengkajian budaya tradisional Minangkabau yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupannya dari aspek fenomenologi dan etnografi. Ia akan mengambilkira dari pelbagai kemungkinan sudut yang akan menjelaskan bagaimana proses pembentukan serta apakah elemen-elemen yang mempengaruhi seni bina RTNS dan perkaitannya dengan RAM di Sumatera Barat.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dirangka untuk menjelas dan menyelesaikan permasalahan kajian. Persoalan yang dirangka adalah persoalan asas yang bertujuan memahami maksud merantau dengan membina hubung kaitnya dengan masyarakat, persekitaran, aktiviti, kesan pada budaya setempat. Walaupun soalan kajian ini adalah asas namun hasilnya akan membezakan, faktor, tujuan dan motivasi budaya merantau berlaku. Tanpa pemahaman yang sebenar, definisi merantau tidak dapat membentuk satu keadaan yang dianggap sebagai elemen budaya masyarakat Melayu yang menjawab objektif keseluruhan kajian. Berikut adalah persoalan kajian:

S1: Apakah maksud merantau?

S2: Apakah ciri-ciri merantau?

S3: Di manakah aktiviti merantau berlaku?

S4: Apakah ciri-ciri kesamaan dan perbezaan wujud di antara kajian kes di lokasi merantau berlaku?

S5: Benarkah budaya merantau mempengaruhi pembentukan RTNS?

Persoalan diatas akan diselidik berdasarkan teori dan falsafah serta dinyatakan dalam metodologi kualitatif yang melibatkan beberapa kaedah. Soalan S1 sehingga S3 akan dijawab menggunakan kajian literatur yang akan menyentuh sejarah aktiviti merantau oleh masyarakat Melayu suku Minangkabau di Bab 2. Soalan S4 dan S5 akan diselidik pada hasil dapatan kajian kes terpilih di Bab 5, dianalisa di Bab 6 dan dijawab pada Bab 7. Kerangka metodologi dan kaedah penyelidikan boleh dirujuk pada Bab 3.


1.7 Objektif Kajian

Proses merantau telah membawa masuk suatu nilai atau pengaruh yang asalnya di Minangkabau dan berubah atau berevolusi di tanah rantaunya bukan sahaja dari segi sosio ekonomi malah identiti seni bina di Negeri Sembilan. Ia berdasarkan konsep “adat yang boleh diubah” yang disebut di perbilangan Adat *Salingka Nagari* “*lain nagari lain adatnyo, lain padang lain belalangnyo, lain lubuak lain ikannyo*” (lain negeri lain adatnya, lain padang lain belalangnya, lain lubuk lain ikannya). Untuk tujuan itu, kajian memilih RTNS sebagai kajian kes bagi mengukur kesan dan pengaruh yang dibawa masuk oleh masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan.

Bagi menjawab persoalan kajian, terlebih dahulu kajian akan mengkaji perkaitan di antara seni bina RAM di *darek*, Sumatera Barat dengan RTNS di rantau Rembau. Pembentukan seni bina RTNS berlaku disebabkan oleh pengaruh evolusi dan variasi yang dikaitkan dengan adat matrilineal, *kelarasan* atau hukum adat dan persekitaran *luhak* atau wilayah. Oleh yang demikian, kajian terlebih dahulu merangka satu teori asas (*grounded teori*) yang dirumus dari tinjauan literatur di Bab 2 seperti berikut:

“variasi pembentukan seni bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan (Chen, Ariffin, & Wang, 2008; Ismail Z. & Ahmad, 2006) dengan pembentukan Rumah Adat Minangkabau (Boestami, 1979; Ismael, 2007) disebabkan perubahan secara evolusi (Idrus, 1996) kesan pemikiran inovatif (Naim, 1979) akibat daripada pengaruh ciri-ciri budaya merantau yang dibawa oleh perantau Minangkabau dari darek, Sumatera Barat ke rantau Rembau, Negeri Sembilan”.

Berdasarkan teori asas di atas, kajian ini menghasilkan satu kerangka teori bagi mengkaji tentang pengaruh budaya merantau terhadap seni bina RTNS seperti di Rajah 1.1. Ia merangkumi gabungan kebudayaan Minangkabau yang mempengaruhi pembentukan RAM dengan kebudayaan merantau yang membentuk alam Minangkabau hingga terbinanya seni bina RTNS di alam rantau. Teori asas di atas adalah pengimbang kajian yang perlu diberi perhatian kerana ia dirangka berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu.



Rajah 1.1 Kerangka teori


Berpandukan permasalahan dan persoalan kajian yang dibincangkan sebelum ini, objektif kajian dirangka bagi menjawab teori pengaruh budaya merantau terhadap seni bina RTNS berpandukan kaedah kualitatif iaitu kajian kes dan temu bual responden dari kepakaran bidang. Ia merangkumi tiga objektif seperti di bawah:

1. Mengenal pasti ciri-ciri budaya merantau yang dibawa oleh masyarakat Melayu Minangkabau yang merantau dari Sumatera Barat, Indonesia ke Rembau, Negeri Sembilan, Malaysia.
2. Menilai ciri-ciri kesamaan pada prinsip pembinaan RTNS dengan RAM bagi melihat pertalian di antara kedua-dua seni bina dengan pengaruh budaya merantau masyarakat Minangkabau.
3. Mengesahkan komponen-komponen pada Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) yang dipengaruhi oleh ciri-ciri budaya merantau sehingga membentuk variasi seni bina berbanding dengan Rumah Adat Minangkabau (RAM).

1.8 Skop Kajian


Skop kajian melibatkan pemilihan kajian kes RTNS di daerah Rembau, Negeri Sembilan. Negeri Sembilan. Pemilihan daerah Rembau adalah kerana sejarah merantau oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera Barat hingga pembukaan penempatan terawal di rantau Rembau jelas dicatat dengan bukti penulisan oleh Ibrahim N., (1993, 2000), Jong, (1960), Parr & Mackray, (1910), Winstedt, (1934). Selain itu, catatan peta d'Eredia pada tahun 1613 mengiktiraf Rembau atau *Rombo* sebagai sebuah Kerajaan Minangkabau yang dikenali sebagai *Reqiam de Monangcabos* (Ibrahim N., 1995). Ia selari dengan kenyataan sejarahwan negara

Professor Emeritus Tan Sri Dato` Dr. Khoo Kay Kim bahawa nama asal Negeri Sembilan adalah Rembau (Yassin, 1996).



Rajah 1.2 Peta (A) menunjukkan lokasi Negeri Sembilan dan daerah Rembau dalam Semenanjung Malaysia. Peta (B) menunjukkan kedudukan Sungai Rembau. Sumber: Peta (A) Peletz, (1988:17) dan Peta (B) N. Ibrahim, (1998:151).

Rembau menjadi asas kepada pembentukan kebudayaan, adat warisan, sistem sosial, dan politik di Negeri Sembilan pada hari ini. Pemimpin masyarakat perantau terdahulu berusaha menjadikan rantau Rembau semirip mungkin dengan *darek* di Minangkabau. Struktur sistem Adat Perpatih berasaskan matrilineal dan nama-nama suku yang berasaskan *nagari* atau kampung asal perantau di *darek* telah diadaptasikan dalam struktur sosial persukuan di rantau Rembau. Begitu juga jawatan pemerintah yang dikenali Undang Rembau adalah setara dengan Raja pemerintah.



Rajah 1.3 Peta menunjukkan (A) lokasi pusat permulaan merantau di *darek*, Minangkabau, (B) lokasi perantaraan merantau di rantau Kampar, Riau dan (C) lokasi berakhirnya merantau di rantau Rembau, Negeri Sembilan. Disunting dari: Zed, (2010:13).

Berdasarkan Rajah 1.3, kajian kes perlu dilakukan terhadap RAM yang terletak di *darek*, Minangkabau iaitu pusat bermulanya proses merantau masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan sejak kurun ke-12 iaitu ketika era pemerintahan Kerajaan Pagarruyung. Hasil tinjauan literatur juga mengesahkan bahawa kajian kes perlu melibatkan seni bina Rumah Lentik Kampar (RLK) di rantau Kampar di Riau, Indonesia. Ini kerana, rantau Kampar merupakan kawasan laluan perantaraan di mana masyarakat perantau Minangkabau telah singgah bermastautin dan berasimilasi dengan penduduk tempatan di sekitar tebing Sungai Kampar sejak era pemerintahan Kerajaan Pagarruyung sehingga zaman pemerintahan kolonial Belanda dan Jepun pada tahun 1945. Melalui rantau Kampar, generasi perantau Minangkabau meneruskan proses merantau hingga ke Negeri Sembilan melalui Selat Melaka sehingga Malaysia

mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Penglibatan kajian kes RAM dan RLK dilakukan kerana wujud perkaitan kedua-dua seni bina dengan RTNS bagi dinilai dengan teori asas dan objektif kajian.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting bagi merungkai beberapa persoalan yang tidak pernah dijawab khususnya terhadap seni bina RTNS di Negeri Sembilan. Banyak teori yang menjawab dari perspektif yang berbeza seperti falsafah, konsep, adat, analogi, simbolisma terhadap reka bentuk seni bina Melayu. Kajian mendapati dari sudut budaya (budaya rumpun Melayu adalah sangat luas, tetapi dalam kajian ini tertumpu pada budaya merantau) masih belum diterokai. Ini berdasarkan tinjauan literatur di Bab 2 yang merumuskan bahawa kajian budaya merantau lebih tertumpu pada pendefinisian merantau, sifat dan ciri-ciri perantau, hubungan merantau dengan perlembagaan adat Minangkabau, *pemekaran nagari* rantau di perbatasan tanah induk Minangkabau di Sumatera, faktor-faktor berlakunya merantau, evolusi merantau dalam bidang perdagangan dan inovatif merantau dalam perniagaan.

Setelah meneliti kepelbagaian budaya dan sejarah Melayu Minangkabau, kajian ini menumpu pada budaya merantau yang merupakan salah satu dari cabang kebudayaan Minangkabau (Kato, 2005) yang mempunyai kaitan dengan pembentukan rumah Melayu di Negeri Sembilan sejak awal kurun-12 (Ibrahim N., 2000).

Kajian budaya merantau akan melihat segala aspek dari awal, pertengahan dan pengakhiran proses dengan mengambil kira elemen-elemen yang berkaitan. Kajian ini akan menyumbang dari segi:

1. Memahami ciri-ciri yang mempengaruhi pembentukan seni bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS);
2. Menghubungkan perkaitan pembentukan seni bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) dengan Rumah Adat Minangkabau (RAM) dari sudut prinsip pembinaan dan elemen reka bentuk;
3. Menyelesaikan kekeliruan penggunaan elemen seni bina khususnya bumbung gonjong atau lentik serta konflik pemilikan dan identiti rumah Minangkabau di antara Negeri Sembilan, Malaysia dan Sumatera Barat, Indonesia;
4. Menambah nilai dan maksud merantau yang bukan sekadar proses pergerakan tetapi juga agen pembentukan seni bina di alam Melayu.
5. Menyeneraikan prinsip-prinsip pembinaan Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) bagi rujukan pada masa hadapan.

1.10 Struktur Penulisan Kajian

Kajian ini disusun penulisannya sebanyak tujuh bab. Bab satu membincangkan tentang latar belakang kajian yang merangkumi perkara isu dan permasalahan kajian yang melibatkan persoalan tentang kesan merantau terhadap pembentukan seni bina RTNS. Selain itu, bab ini akan menjelaskan tentang objektif kajian dengan ulasan kajian-kajian lepas dari tinjauan literatur. Di samping itu, bab ini juga akan menghuraikan tentang kepentingan kajian ini beserta skop kajian dan struktur penulisan kajian.

Bab dua membincangkan tentang latar belakang sejarah, konsep dan ciri-ciri merantau Minangkabau serta teori reka bentuk seni bina RTNS berdasarkan bahan dan rujukan. Perkaitan subjek penyelidikan juga disentuh dengan mengaitkan

perkembangan pembentukan masyarakat dan seni bina dari Minangkabau, Sumatera Barat ke Kampar, Riau dan berakhir di Rembau, Negeri Sembilan. Seterusnya, penerangan tentang latar belakang seni bina RTNS juga diberi perhatian di samping perkaitannya dengan RAM dan RLK. Di akhir bab akan merumuskan jurang tinjauan literatur yang mengaitkan proses merantau dengan pembentukan seni bina RTNS.

Bab ketiga menekankan kepada metodologi dan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini. Ia akan membincangkan tentang kajian kualitatif yang melibatkan kaedah fenomenologi, etnografi, kajian kes dan kajian rintis bagi memperoleh data-data kajian. Bab ini juga menyentuh proses pemilihan kajian kes melalui kriteria-kriteria tertentu. Penerangan tentang pemilihan lokasi kajian, instrumen yang digunakan, cara merekod dan mengumpul data kajian dan proses menganalisa data kajian juga dijelaskan di bab ini.

Bab empat membincangkan tentang hasil kajian rintis dan justifikasi pemilihan kajian kes yang dijalankan ke atas RTNS, RAM dan RLK. Pemilihan kajian kes berdasarkan kepada ciri-ciri yang memberi kesan terhadap perubahan seni bina dalam konteks budaya merantau dan impaknya terhadap RTNS. Selain itu, pemilihan kajian kes ini berdasarkan kepada proses laluan pergerakan merantau berlaku dari *darek*, Minangkabau ke rantau Kampar dan berakhir di rantau Rembau, Negeri Sembilan.

Bab lima menyentuh tentang analisis kajian kes yang terpilih. Data-data yang dikumpul melalui kajian inventori akan disenaraikan mengikut kajian kes dan dianalisa untuk melihat perkaitan di antara RTNS, RAM dan RLK berdasarkan ciri-ciri merantau. Rumusan analisis kajian kes akan dihasilkan dan dibincang dengan data etnografi yang diperolehi hasil daripada temu bual responden terpilih.

Di bab enam akan membentangkan dapatan kajian yang dijana dari analisis perkaitan kajian kes dengan subjek merantau. Kaedah triangulasi diguna berdasarkan data kajian lapangan dan fenomenologi, kajian kes, kajian etnografi dan temu bual responden serta teori seni bina RTNS. Keputusan kajian akan dijana dalam bab ini bagi menilai objektif kajian. Hasil keputusan analisa juga menentukan kesimpulan akhir kajian ini.

Bab tujuh merupakan penutup kajian ini yang menyimpul keputusan hasil kajian. Penemuan dan implikasi daripada analisa pengaruh budaya merantau terhadap seni bina RTNS akan dipersembahkan. Penutup bab ini akan memberi kesimpulan dan cadangan bagi kajian mendatang.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincang dan melebarkan beberapa aspek penting melalui penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang mempunyai hubung kait dengan tajuk kajian ini. Aspek-aspek utama yang diberi perhatian adalah sejarah Melayu dan pola migrasinya hingga terbentuknya diaspora suku-suku Melayu di alam Melayu. Ia akan menjelaskan tentang perbezaan pola migrasi yang wujud dalam suku-suku Melayu yang terdapat di alam Melayu.

Setelah itu, pengertian, konsep dan ciri-ciri yang dimiliki oleh budaya merantau serta kesannya terhadap pembukaan penempatan masyarakat perantau Minangkabau di rantau Rembau, Negeri Sembilan dihuraikan. Kajian ini juga mengupas tentang perkaitan seni bina yang didiami oleh masyarakat Minangkabau di tanah asal *darek*, di rantau Kampar dan di rantau Rembau, Negeri Sembilan berdasarkan pola pergerakan merantau bagi mengesan aspek-aspek jurang kajian terdahulu.

Kajian-kajian terdahulu akan dikupas bagi merumuskan skop-skop kajian yang telah dilakukan dengan melihat bahagian-bahagian yang tidak diberi perhatian terhadap seni bina RTNS khususnya kaitannya sebagai sebahagian daripada seni bina Minangkabau. Elemen-elemen yang mempengaruhi seni bina RTNS dilihat dari pelbagai sudut seperti budaya, persekitaran, kepercayaan agama, adat resam dan cara hidup masyarakat Minangkabau. Penerangan dapatan lepas juga merangkumi teori yang dikaitkan dengan budaya merantau yang merupakan salah satu pemboleh ubah kajian ini.

Di akhir bab ini, rumusan bab ini akan membentang jurang kajian terdahulu bagi menyokong keperluan kajian ini berpandukan kajian terdahulu yang belum diterokai. Kajian ini merupakan kelangsungan dan menghubungkan jurang dapatan bagi melengkapkan kajian-kajian terdahulu.

2.2 Melayu, Rumpun dan Diasporanya di Alam Melayu

Melayu diistilahkan kepada tiga pengertian (Wan Teh, 2012a) iaitu suku bangsa yang tinggal di pesisiran timur Sumatera, di Kepulauan Riau dan di Semenanjung Tanah Melayu seperti suku bangsa Jawa, Bugis, Makassar, Banjar, Minangkabau, Aceh, Batak, Mandaling, Rawa, Korinci, Boyan dan sebagainya. Pengertian kedua seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia sebagai satu bangsa yang mempunyai tiga ciri-ciri asas iaitu bertutur dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, beragama Islam, dan mengamalkan adat resam orang Melayu. Pengertian ketiga membawa maksud satu kelompok rumpun bangsa yang besar atau ras atau yang paling hampir adalah rumpun bangsa (*a racial stock*). Ia dilihat dari sudut antropologi dan sosiologi serta digunakan secara meluas oleh *UNESCO* yang merujuk kepada kesemua penduduk asal di alam Melayu yang budaya, tradisi dan bahasa asas dari rumpun Melayu-Polinesia atau Austronesia.

Rumpun Melayu merangkumi penduduk peribumi Pulau Taiwan, kumpulan minoriti Ustaz di Pulau Hainan (orang Kwantung), etnik Cham dan beberapa suku bangsa peribumi di Kemboja dan Vietnam, etnik Melayu di Thailand, hampir seluruh penduduk asal Filipina, Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura serta juga bangsa Merina di Pulau Malagasi (Madagascar), pantai timur Afrika. Saudara terdekat kepada rumpun Melayu iaitu bangsa Polinesia yang tersebar secara meluas di Kepulauan

Pasifik hingga ke Pulau Hawaii serta New Zealand tergolong dalam rumpun bahasa asal yang sama (Wan Teh, 2012a).

Ras Melayu juga dikukuhkan dengan hasil kajian mitokondria *DNA* oleh Zainuddin, Rashid, Nor, & S. Panneerchelvam, (2012) mendapati bahawa umur tautan untuk M *haplogroup*, iaitu *haplogroup* utama dalam populasi Melayu bermula sejak 60,000 tahun dahulu. Mereka juga mengenal pasti kekerapan tinggi *haplogroup* Orang Asli, yang merupakan komponen ibu purba pada bangsa Melayu iaitu 19.10 %. Ini membuktikan orang Melayu adalah peribumi asal di alam Melayu bersama Orang Asli. Yang membezakan Orang Asli dan Melayu ialah kawasan mereka tinggal iaitu di kawasan pedalaman yang lewat menerima perubahan (terdapat minoriti Orang Asli yang tinggal di pesisiran pantai yang dikenali orang Laut/Seletar) dan pesisiran pantai (Nik Abdul Rahman, 2012) yang terlebih dahulu menerima perubahan kerana terdedah pada pelbagai pengaruh.

Alam Melayu adalah seluruh wilayah yang dikenali sebagai Kepulauan Melayu atau Nusantara yang merujuk kepada Malaysia dan Indonesia sebagai wilayah induknya (Ab. Rahman, 2014). Ia merupakan tanah besar yang merangkumi Taiwan yang bercantum dengan Pentas Sunda dan Sahul (Nik Abdul Rahman, 2012) hingga ke Madagaskar di barat daya, merentas Kepulauan Melayu, Kepulauan Hawaii, Pulau Easter, sampai ke Kepulauan Chantam di selatan Pasifik (Ab. Rahman, 2014; Ishak, 2007). Ketika itu dianggarkan 35,000 ke 11,000 tahun dahulu di zaman air batu (Pleistosen), manusia di alam Melayu bebas bergerak di daratan kerana paras air laut menurun (Wan Teh & Nik Abdul Rahman, 1994).

Lebih kurang 10,000 ke 11,000 tahun dahulu, manusia di alam Melayu telah terpisah akibat kenaikan air laut di zaman Holosen (Nik Abdul Rahman, 2012)